

## RANGKA KERJA PENYELARASAN SEMULA



MARI MERUNDINGKAN  
SEMULA

# Merundingkan Semula Kontrak Perniagaan dengan Rangka Kerja Penyelarasan Semula

## Mengemukakan Notis Rundingan: Apa yang Dapat Dijanjikan

Saya mahu merundingkan  
semula kontrak saya...  
Apa yang perlu saya lakukan?

TARIKH-TARIKH PENTING
<b>15 Januari 2021</b> Pelaksanaan Rangka Kerja Penyelarasan Semula Hari pertama untuk mengemukakan Notis Rundingan
<b>26 Februari 2021</b> Hari terakhir untuk mengemukakan Notis Rundingan



### Sebelum 15 Januari 2021: Ketahui sekiranya anda layak

Lungsur [www.go.gov.sg/re-align-eligibility](http://www.go.gov.sg/re-align-eligibility) untuk melihat kriteria kelayakan dan ketahui tentang dokumen-dokumen sokongan (contoh: penyata kewangan) yang diperlukan, agar anda boleh mula lakukan persiapan

### 15 Januari hingga 26 Februari 2021: Kemukakan Notis Rundingan

Sekiranya anda layak dan ingin merundingkan semula kontrak anda, kemukakan Notis Rundingan selewat-lewatnya 26 Februari 2021

- Kepada pihak-pihak di dalam kontrak dan pihak-pihak lain yang berminat (contoh: penjamin atau pemegang serah hak)
- Gunakan borang yang disediakan, menerusi sistem dalam talian MinLaw
- Lampirkan sama dokumen-dokumen sokongan

### Tempoh Rundingan 4-minggu: Runding Semula Kontrak

Sejurus Notis Rundingan dikemukakan:

- Anda dan Pihak Lain mempunyai *empat minggu* untuk merundingkan semula kontrak
- Pihak Lain dilarang mengambil sebarang tindakan guaman dan penguatkuasaan (contoh: prosiding mahkamah) terhadap anda sekiranya anda gagal untuk melaksanakan sebarang kewajipan kontrak yang perlu dilakukan
- Semua pihak digalakkan untuk mengambil peluang ini untuk berbincang, memahami kedudukan satu sama lain dan cuba mencari jalan yang dapat diterima semua pihak. Sebagai contoh, semua pihak boleh bersetuju untuk membatalkan penghantaran barangan yang dipesan sebelum ini, atau mengurangkan sewa buat sementara waktu. Semua pihak juga boleh membuat keputusan tentang cara terbaik untuk mereka mengundurkan diri dari kontrak, dan merundingkan cara-cara untuk menamatkan kontrak berdasarkan syarat-syarat yang dipersetujui semua pihak

Sekiranya rundingan semula tidak berjaya

### Tempoh Bantahan 2-minggu: Pihak Lain boleh membantah

Setelah Tempoh Rundingan 4-minggu tamat, Pihak Lain boleh mengemukakan Notis Bantahan dan/atau Notis Ganti Rugi (sekiranya Pihak Lain merupakan pemilik hartanah yang kecil yang inginkan bantuan kesusahan) bagi Penilai bebas menetapkan\*:

- Kelayakan anda bagi rangka kerja ini dan tarikh penamatan kontrak
- Penyesuaian semula hak dan kewajipan untuk meraih kesudahan yang adil dan saksama, termasuk sama ada ganti rugi perlu dibayar bagi penamatan awal

Sekiranya tiada Notis Bantahan dikemukakan, **kontrak akan dianggap sudah ditamatkan dua hari selepas Tempoh Bantahan 2-minggu berakhir**

- Anda masih perlu menunaikan segala hutang dan kewajipan yang tertunggak sehingga tarikh penamatan
- Anda tidak perlu membayar penalti penamatan dan menunaikan kewajipan di masa hadapan setelah tarikh penamatan

### Tempoh 2-minggu bagi Notis Penyesuaian Semula: Permohonan bagi penyesuaian hak dan kewajipan, jika perlu

- Setelah Tempoh Bantahan 2-minggu berakhir dan sekiranya anda tidak mendapat persetujuan pihak tentang hak dan tanggungjawab setelah penamatan kontrak, anda atau Pihak Lain boleh mengemukakan Notis Penyesuaian bagi seorang Penilai membuat ketetapan\* mengenai penyesuaian hak dan kewajipan di bawah kontrak

\* Semua ketetapan Penilai adalah muktamad dan rayuan tidak boleh dikemukakan. Semua pihak boleh mendapatkan nasihat undang-undang sekiranya mereka mahu, namun perwakilan guaman tidak akan dibenarkan dalam proses ketetapan